

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 JANUARI 2019

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	MALAYSIA-SINGAPURA SETUJU GANTUNG PERLAKSANAAN RA DAN ILS	2
SINAR HARIAN	KELUAR SENARAI PENERIMA NSENTIF JIKA REKOD KWSP AKTIF	3
UTUSAN MALAYSIA	SETUJU GANTUNG RA, ILS	4
UTUSAN MALAYSIA	GOLONGAN NELAYAN DIGESA CARI SUMBER PENDAPATAN TAMBAHAN	5
HARIAN METRO	POTONG NAMA	6
HARIAN METRO	SETUJU GANTUNG SEBULAN RA, ILS	7
BERITA HARIAN	REKOD KWSP PUNCA PERMOHONAN SARA HIDUP NELAYAN DITOLAK	8
BERITA HARIAN	KERAJAAN KENA TEGAS SELEPAS TAMAT GANTUNG PELAKSANAAN	9
BERITA HARIAN	PELAKSANAAN DIGANTUNG SEBULAN	10
NEW STRAITS TIME	SINGAPORE SUSPENDS AIRPORT ILS	11
NEW STRAITS TIME	PASIR GUDANG RESIDENTS HOPE DECISION WILL BE PERMANENT	12



# KOSMO

KOSMO 9/1/2019

## Malaysia-Singapura setuju gantung pelaksanaan RA dan ILS

SINGAPURA - Malaysia dan Singapura bersetuju bahawa kedua-dua pihak masing-masing akan menggantung secara serentak pelaksanaan Kawasan Larangan (RA) oleh Malaysia dan pelaksanaan prosedur Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) oleh Singapura untuk Lapangan Terbang Seletar.

Tempoh penggantungan serta-merta itu adalah selama sebulan, demikian menurut kenyataan bersama selepas mesyuarat dua hala antara Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah (**gambar**) dan rakan sejawatnya dari Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan di sini semalam.

Kenyataan itu menyebut kedua-dua pihak turut bersetuju pada masa ini, Menteri Pengangkutan dari kedua-dua negara itu perlu bertemu segera untuk perbincangan mengenai RA dan tatacara ILS untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan penerbangan awam.

"Langkah yang kami persetujui adalah positif dan terdapat



ISU tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar mendapat bantahan Malaysia selepas pesawat dikatakan perlu menggunakan ruang udara Malaysia di Johor untuk mendarat.



usaha konstruktif ke arah meredakan keadaan berhubung perkara ini. Kami percaya ia akan mewujudkan persekitaran yang konstruktif bagi kedua-dua negara untuk mencari penyelesaian yang dipersetujui bersama terhadap isu dua hala kita," kata Saifuddin.

Mesyuarat dua hala itu berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura di Sherwood Road di sini.

Pertemuan empat mata antara kedua-dua menteri luar itu

berlangsung kira-kira sejam pagi semalam, disusuli dengan mesyuarat delegasi.

Pelaksanaan ILS di Lapangan Terbang Seletar di Singapura melibatkan pendaratan pesawat di lapangan terbang itu menggunakan ruang udara Malaysia di Pasir Gudang, Johor, yang dibantah oleh Malaysia.

Singapura dan Malaysia turut saling menuding jari berhubung apa yang setiap pihak tegaskan sebagai perluasan had pelabuhan yang dianggap mencabuli kedaulatan dan undang-undang antarabangsa. - Bernama



# SINAR HARIAN


## Keluar senarai penerima insentif jika rekod KWSP aktif

PASIR GUDANG - Nelayan mempunyai rekod Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang aktif akan dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan sara hidup bagi golongan itu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil Noor berkata, ia adalah antara kriteria digunakan dalam proses pemutihan bagi mengenal pasti nelayan yang betul-betul layak sahaja dapat menerima bantuan.

“Ada nelayan yang kita dapati ada rekod KWSP, kalau kita dapat rekod itu memang kita akan terus potong nama mereka (dalam senarai penerima bantuan).”

“Bila nelayan ada rekod



Muhammad Faiz (tengah) pada sidang media, semalam.

KWSP ini, ia bermaksud mereka ini bekerja seperti biasa dan tidak mungkin mereka boleh turun ke laut untuk tempoh 120 hari. Itu contoh bagaimana pemutihan dibuat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM dengan pimpinan nelayan Johor di Bilik Mesyuarat Josfa, di sini, semalam.

### PEMUTIHAN NELAYAN

Muhammad Faiz berkata, bagaimanapun, setelah pemutihan dilakukan mana-mana nelayan yang diketepikan daripada senarai penerima masih boleh membuat rayuan.

“Perkara ini akan dikaji semula dan disiasat oleh LKIM jika rayuan mereka bermerit maksud mereka ini memang nelayan dalam erti kata di bawah undang-undang mereka perlu turun ke laut 120 hari setahun.

“Perkara itu boleh disahkan dengan bukti contohnya gambar atau pemeriksaan di bawah LKIM. Kita akan masukkan semula nama mereka sebagai penerima,” katanya.



# UTUSAN MALAYSIA

Utusan Msi a, Rabu @ 9/1/19  
Setuju gantung RA, ILS

**SINGAPURA 8 Jan.** - Malaysia dan Singapura hari ini bersetuju kedua-dua pihak masing-masing akan meng-gantungkan secara serentak pelaksanaan Kawasan Larangan (RA) oleh Malaysia dan pelaksanaan prosedur Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) oleh Singapura untuk Lapangan Terbang Seletar.

Tempoh penggantungan serta-merta itu adalah selama sebulan, menurut kenyataan bersama selepas mesyuarat dua hala antara Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan rakan sejawatannya dari Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan di sini.

Kenyataan itu menyebut kedua-dua pihak turut bersetuju pada masa ini, menteri pengangkutan dari kedua-dua negara perlu bertemu segera untuk perbincangan mengenai RA dan tata cara ILS untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan penerbangan awam.

Sementara itu, berkaitan isu martim membabitkan had pelabuhan Johor Bahru dan Singapura, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan kumpulan

kerja diketuai Setiausaha Tetap Kementerian Luar Singapura, Chee Wee Kiong dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Malaysia, Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob.

Menurut kenyataan itu, kumpulan kerja itu akan mengkaji dan membincangkan isu perundangan dan operasi untuk meredakan keadaan di lapangan dan menyediakan asas untuk perbincangan dan rundingan lanjut.

Ia menyebut kumpulan kerja itu akan melaporkan kepada kedua-dua menteri luar itu dalam tempoh dua bulan.

Pelaksanaan ILS di Lapangan Terbang Seletar di Singapura melibatkan pendaratan pesawat di lapangan terbang itu menggunakan ruang udara Malaysia di Pasir Gudang, Johor, yang dibantah oleh Malaysia.

Singapura dan Malaysia turut saling menuding jari berhubung apa yang setiap pihak tegaskan sebagai perluasan had pelabuhan yang dianggap mencabuli kedaulatan dan undang-undang antarabangsa. - BERNAMA



# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • RABU 09 JANUARI 2019

DALAM NEGERI 11

## Nelayan boleh mohon semula ESH

### PASIR GUDANG

**8 Jan.** - Nelayan yang menerima Elaun Sara Hidup (ESH) sebelum ini tetapi tidak menerimanya selepas proses pemutihan dilaksanakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) baru-baru ini boleh memohon semula. Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil Noor berkata, mereka yang sebelum ini ditapis dan dikeluarkan daripada senarai penerima boleh membuat rayuan menerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan mengemukakan alasan munasabah untuk dipertimbangkan.

"Ini kerana hasil pemutihan, seramai 40,000 daripada 57,000 nelayan layak menerima bantuan sara hidup itu daripada kerajaan kerana menepati syarat. "Jadi kita masih membuka ruang kepada mereka mengemukakan rayuan kepada PNK. Kemudian akan disemak dan disiasat pula LKIM kerana penolakan bantuan sara hidup sebelum ini ada kemungkinan disebabkan terlepas pandang," katanya.

## Golongan nelayan digesa cari sumber pendapatan tambahan Ceburi akuakultur, hiliran

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusan.johor@gmail.com

### PASIR GUDANG 8 JAN.

**G**OLONGAN nelayan boleh menceburkan diri dalam industri akuakultur dan hiliran dalam usaha untuk menambah pendapatan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil Noor berkata, hasil terlibat dengan industri tersebut mampu menjadi sumber pendapatan tambahan dan lumayan.

Muhammad Faiz berkata, mereka tidak perlu lagi terlalu bergantung dengan hasil tangkapan laut kerana keadaan laut serta faktor cuaca yang tidak menentu ketika ini, sebaliknya menjadikan sumber makanan laut sebagai sumber baharu untuk menyara keluarga.

"Golongan nelayan boleh terlibat dengan aktiviti akuakultur atau penternakan selain menghasilkan makanan sejuk beku atau menghasilkan keropok lekor dan otak-otak.

"Mereka boleh menjadikan sumber makanan laut sebagai sumber pendapatan tambahan. Insentif untuk usahawan pertanian disediakan dengan peruntukan RM20 juta dan setiap seorang boleh menerima bantuan antara RM10,000 dan RM20,000," katanya.



MUHAMMAD FAIZ FADZIL NOOR (kiri) bertanya khabar ketika bertemu nelayan selepas Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pemimpin Nelayan Peringkat Negeri Johor di Bandar Baru Kota Puteri, Masai, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/ BAAZLAN IBRAHIM

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pemimpin Nelayan Peringkat Negeri Johor di Bandar Baru Kota Puteri, Masai, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Josfa) negeri, Datuk Mohamad Dolmat dan Pengerusi LKIM negeri, Noslani Setat.

Semalam Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu golongan nelayan dan petani berubah meninggalkan cara hidup lama dengan mengamalkan pendekatan lebih moden bagi membolehkan mereka


keluar daripada kepompong kemiskinan.

Menurut Dr. Mahathir, pendekatan tersebut perlu memandangkan sejak dahulu lagi golongan tersebut sering kali dikaitkan dengan status kemiskinan dan hidup menderita kerana terlalu banyak bergantung kepada bantuan kerajaan.

Sehubungan itu kata Perdana Menteri, sudah sampai masanya mereka berani

bersaing dan sanggup mengubah cara hidup dengan menceburi bidang baharu seperti pertanian dan industri berasaskan hasil produk tempatan yang ada di sekeliling mereka.

Muhammad Faiz berkata, saranan Perdana Menteri itu bukan bermakna kerajaan sudah tidak berminat membantu kelangsungan golongan berkenaan tetapi hanya mahu mereka mempunyai pelan sokongan sumber rezeki pada masa hadapan.



# HARIAN METRO

Harian Metro, Rabu @ 9/1/19

**Sasar RM8b pelaburan**

**Iskandar Puteri:** Kerajaan negeri merancang mengadakan lawatan kerja ke Dubai, China, Australia, Amerika Syarikat, Jepun, Korea dan Singapura dalam usaha mencapai sasaran RM8 billion pelaburan pada tahun ini. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti negeri, Jimmy Piah Wee Tse berkata, usaha itu menjadi langkah proaktif kerajaan negeri menarik pelaburan, selain memfokuskan kepada sektor halal dan teknologi tinggi.

HARIAN METRO

Mohd Sabran Md Sani  
cnews@nstp.com.my

## Potong nama

■ Laksana proses pemutihan nelayan ada KWSP

Pasir Gudang

Tindakan memotong nama nelayan dari pada menerima bantuan sara hidup ketika proses pemutihan dilaksanakan selepas rekod mendapati terdapat transaksi simpanan melalui akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, proses itu antara pendekatan dilaksanakan hingga mengakibatkan ada permohonan nelayan terbahit ditolak.

"Kadang-kala ada nelayan didapati ada rekod simpanan KWSP. Ini bermakna jika ada rekod KWSP, mereka bekerja seperti biasa.

Jadi, tidak mungkin mereka turun ke laut untuk tempoh 120 hari dan itu proses pemutihan dilakukan kepada golongan nelayan bagi mendapatkan bantuan sara hidup dari kerajaan," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pimpinan Nelayan Peringkat Negeri Johor di Restoran JOSFA di Masal, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan, Datuk Mohamad Dolmat.

Pertemuan secara santai itu menemukan 100 ahli dari sembilan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Johor, selain membuka ruang bagi soal jawab selama dua jam.

Antara isu dibangkitkan merangkumi proses pemutihan nelayan, pencerobohan nelayan asing, kos pem-



WAKIL Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) mengajukan soalan kepada Muhammad Faiz pada Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pimpinan Nelayan Peringkat Negeri Johor di Restoran JOSFA di Masal.

## Cadang tubuh kementerian khas

**Pasir Gudang:** Kerajaan "dicadangkan menubuhkan satu lagi kementerian khas bagi membantu nelayan sekiranya mereka sektor perikanan di negara ini berkembang maju.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pengerang merangkap Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Johor, Abu Bakar Mohamad berkata, sudah tiba masanya negara ini mencontohi negara Indonesia yang lebih ke hadapan dalam isu itu.

"Kalau kita lihat, Indonesia memiliki Menteri Kelautan yang menguruskan hal-

berkaitan nelayan termasuk menyelenggarakan peruntukan besar dalam membantu nelayan laut dalam. Tidak hairan jika sektor perikanan di negara

tersebut itu lebih maju dan terhadapan hinggakan nelayan mereka boleh ke laut dalam sehingga tempoh setahun," katanya.

Bellau berkata demikian sebagai reaksi terhadap kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menegaskan bantuan dan wang percuma bukanlah jalan penyelesaian dalam membantu atasi kemiskinan kalangan nelayan dan petani.

**FAKTA**  
Indonesia miliki Menteri Kelautan yang menguruskan hal-hal berkaitan nelayan termasuk bantu nelayan laut dalam


belian peralatan meningkat dan aktiviti nelayan pukut tunda.

Muhammad Faiz berkata, disebabkan status mereka bekerja, maka golongan berkenaan tidak layak mendapat bantuan sara hidup daripada kerajaan.

Bagaimanapun katanya, kerajaan masih membuka rayuan kepada golongan itu untuk mendapatkan bantuan. Beliau berkata, golongan berkenaan yang masih pada peringkat permulaan.

"Ini kerana hasil pemutihan, seramai 40,000 da-

ripada 57,000 nelayan layak menerima bantuan sara hidup dari kerajaan kerana menepati syarat. Jadi kita masih membuka ruang kepada mereka mengemukakan rayuan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)," katanya.



# HARIAN METRO

Harian Metro, Rabu 9/1/19

09-01-2019

setempat 19

**JOHOR: KRONOLOGI KONFLIK RUANG UDARA MALAYSIA-SINGAPURA**

- 24 November 2018**  
Media melaporkan Firefly tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk beroperasi di Lapangan Terbang Seletar.
- 1 Disember 2018**  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) keluar notis pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar, Singapura berkuatkuasa 3 Januari 2019.
- 4 Disember 2018**  
Kementerian Luar Malaysia akan menghantar nota bantahan kepada kerajaan Singapura susulan penyiaran tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) Lapangan Terbang Seletar tanpa kebenaran.
- 12 Disember 2018**  
Malaysia mahu Singapura menarik balik rancangan melaksanakan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) atau mengubah laluan penerbangan ke Lapangan Terbang Seletar di republik itu.
- 2 Januari 2019**  
Malaysia mengisytiharkan pewujudan Kawasan Larangan Kekal (RA) di ruang udara Pasir Gudang. Pewujudan dibuat menerusi Notis Kepada Juruterbang (NOTAM) pada 25 Disember 2018 yang dikeluarkan oleh CAAM.
- 3 Januari 2019**  
Singapura tetap melaksanakan tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar.
- 4 Januari 2019**  
Laporan eksklusif BH mendedahkan terdapat kapal terbang dan pesawat ringan menceroboh ruang udara Pasir Gudang sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar, Singapura.
- 5 Januari 2019**  
Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata Malaysia akan membawa isu pencerobohan ruang udara Pasir Gudang, Johor oleh pesawat sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar dalam perbincangan dengan Singapura pada 8 Januari 2019.
- 8 Januari 2019**  
Pertemuan empat mata Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah bersama rakan sejawatnya, Dr Vivian Balakrishnan.



**Singapura**

**M**alaysia dan Singapura semalam bersetuju kedua-dua pihak masing-masing akan mengantungkan secara serentak pelaksanaan Kawasan Larangan (RA) oleh Malaysia dan pelaksanaan prosedur Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) oleh Singapura untuk Lapangan Terbang Seletar.

Tempoh pengantungan serta-merta itu adalah selama sebulan, demikian menurut kenyataan bersama selepas mesyuarat dua hala antara Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan rakan sejawatnya dari Singapura, Dr Vivian Balakrishnan di sini.

Kenyataan itu menyebut kedua-dua pihak turut bersetuju pada masa ini, Menteri Pengangkutan dari kedua-dua negara itu perlu bertemu segera untuk perbincangan mengenai RA dan tatacara ILS untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan penerbangan awam.

Sementara itu, berkaitan isu maritim memabalkan had pelabuhan Johor Bahru dan Singapura, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan sebuah kumpulan kerja diketuai Setiausaha Tetap Kementerian Luar Singapura,



Foto: MOHD AZREN JAMALUDIN

SAIFUDDIN (kiri) disamping rakan sejawatnya, Dr Vivian Balakrishnan di Kementerian Luar Negara sebelum pertemuan dua hala.

## Setuju gantung sebulan RA, ILS

■ Menteri Pengangkutan Malaysia, Singapura bertemu segera cari jalan penyelesaian

ra, Chee Wee Kiong dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Malaysia, Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob.

Menurut kenyataan itu, kumpulan kerja itu akan mengkaji dan membincangkan isu perundangan dan operasi untuk mere-

dakan keadaan di lapangan dan menyediakan asas untuk perbincangan dan rundingan lanjut. -BERNAMA



# BERITA HARIAN

Rabu, 9 Januari 2019 -BH

FOTO MOHD SABRAN MD SANI / BH



Wakil PNK mengajukan soalan kepada Muhammad Faiz pada Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pimpinan Nelayan Peringkat Negeri Johor, di Pasir Gudang, semalam.

## Rekod KWSP punca permohonan sara hidup nelayan ditolak

**Pasir Gudang:** Tindakan memotong nama nelayan daripada menerima bantuan sara hidup ketika proses pemutihan, dilaksanakan selepas rekod mendapati terdapat transaksi simpanan melalui akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadil, berkata proses itu antara pendekatan dilaksanakan yang menyebabkan ada permohonan nelayan terbatal ditolak.

"Ada nelayan didapati ada rekod simpanan KWSP. Ini bermakna jika ada rekod KWSP, mereka bekerja seperti biasa."

"Jadi, tidak mungkin mereka turun ke laut untuk tempoh 120 hari dan itu proses pemutihan dilakukan kepada golongan nelayan bagi mendapatkan bantuan sara hidup daripada kerajaan."

"Disebabkan status mereka bekerja, maka golongan berkenaan tidak layak mendapat bantuan sara hidup daripada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Pengerusi LKIM Dengan Pimpinan Nelayan Peringkat Negeri Johor, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan, Datuk Mohamad Dolmat.

Pertemuan secara santai itu membahaskan kira-kira 100 ahli dari sembilan Peratuan Nelayan Kawasan (PNK) Johor, yang turut membuka ruang bagi soal jawab selama dua jam.

Antara isu dibangkitkan adalah proses pemutihan nelayan, pencerobohan nelayan asing, kos pembelian peralatan meningkat dan aktiviti nelayan pukat tunda.

### Buka rayuan

Mengulas lanjut Muhammad Faiz berkata, kerajaan masih membuka rayuan kepada golongan itu untuk mendapatkan bantuan berkenaan yang masih pada peringkat pertimbangan.

"Hasil pemutihan, sera-



Disebabkan status mereka bekerja, maka golongan berkenaan tidak layak mendapat bantuan sara hidup daripada kerajaan"

**Muhammad Faiz Fadil,**  
Pengerusi LKIM

mai 40,000 daripada 57,000 nelayan layak menerima bantuan sara hidup daripada kerajaan kerana menepati syarat. Jadi, kita masih membuka ruang kepada mereka mengemukakan rayuan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)," katanya.


Beliau berkata, ia kemudian akan disemak dan disiasat pula LKIM kerana penolakan bantuan sara hidup sebelum ini ada kemungkinan disebabkan terlepas pandang.

"Siasatan rapi dilakukan supaya mereka yang benar-benar layak tidak terlepas daripada menerima bantuan sara hidup kerajaan."

"Jika rayuan mereka bermerti dan mereka nelayan dari erti kata di bawah undang-undang serta turun ke laut 120 hari setahun, mereka layak menerima bantuan itu."

"Mereka perlu membuktikannya menerusi gambar dan pemeriksaan oleh LKIM untuk melayakkan mereka menerima elaun," katanya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sebelum ini, dilaporkan berkata, proses pemutihan itu dilaksanakan sejak Mei tahun lalu bertujuan untuk mengelak ketirisan, penyalahgunaan dan penipuan dalam kalangan nelayan.





# BERITA HARIAN

BH Rabu, 9 Januari 2019

Ms.3

ISU

ISU SISTEM Pendaratan Instrumen (ILS), KAWASAN Larangan Kekal (RA)

## Kerajaan kena tegas selepas tamat gantung pelaksanaan

Keputusan, perbincangan perlu dibuat secara teliti pastikan kedaulatan negara tak terjejas



Jika perlu bertegas (terhadap Singapura), kita perlu melakukannya dan jika ada alternatif lain yang boleh mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak, itu lebih baik

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof mohdfahmi@nstp.com.my

Johor Bahru

Kerajaan diminta bertegas terhadap Singapura berhubung keputusan bakal diambil selepas tempoh sebulan penggantungan pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar, Singapura dan Kawasan Larangan Kekal (RA) di ruang udara Pasir Gudang, tamat kelak.

Faiz Mustaffa, Pakar Teknologi Maklumat (IT)

Keputusan itu dianggap kritikal untuk kerajaan dengan segala keputusan atau perbincangan perlu dibuat secara teliti dan berhati-hati supaya tidak menjejaskan kedaulatan serta hak ruang udara negara.

Pakar Teknologi Maklumat (IT), Faiz Mustaffa, 31, berkata dalam tempoh sebulan yang kritikal, terdapat dua kesan utama perlu dilihat iaitu kerajaan perlu mengkaji kesan jangka panjang dari aspek perundangan yang boleh mengakibatkan penceroohan ruang udara negara.

Kaji kesan pembangunan "Kerida ialah bagi mengkaji terperinci mengenai kesan terhadap pembangunan di kawasan terbitan atau Pasir Gudang kerana seperti sedia rakam, ILS ini menghadkan sebarang jenis pembangunan menara atau bangunan tinggi."

"Jadi, jika perlu bertegas (terhadap Singapura), kita perlu melakukannya dan jika ada alternatif lain yang boleh mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak, itu lebih baik," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, pekerja swasta, Muhammad Ali Kasmiti, 30, berkata keputusan menangguhkan sementara pelaksanaan ILS itu sesuatu yang baik dan mengembirakan penduduk.

"Bagaimanapun, dalam tempoh sebulan ini, kerajaan perlu mencari penyelesaian terbaik dan yang penting, tiada pesawat dibenarkan melalui kawasan ruang udara pusat bandar Pasir Gudang."

"Jika pesawat tidak lagi terbang rendah dalam ruang udara pusat bandar ini, kebimbangan penduduk di Pasir Gudang akan reda dan tidak perlu dibelenggu dengan bunyi bising yang menjejaskan kehidupan kami," katanya.

### LALUAN PUSINGAN PESAWAT MILIK SINGAPURA SEBELUM MENDARAT DI LAPANGAN TERBANG SELETAR



Keratan akhbar BH pada 4 Januari 2019.

### Kronologi Konflik ruang udara Malaysia-Singapura

- 24 November 2018:** - Media melaporkan Firefly tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk beroperasi di Lapangan Terbang Seletar.
- 1 Disember 2018:** - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) keluar notis pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar, Singapura berkuat kuasa
- 3 Januari 2019:** - Kementerian Luar Malaysia akan menghantar nota bantahan kepada Kerajaan Singapura susulan penyiaran tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) Lapangan Terbang Seletar tanpa kebenaran.
- 12 Disember 2018:** - Malaysia mahu Singapura menarik balik rancangan melaksanakan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) atau

- menyebabkan laluan penerbangan ke Lapangan Terbang Seletar di republik itu.
- 2 Januari 2019:** - Malaysia mengisytiharkan penerbangan kawasan Larangan Kekal (RA) di ruang udara Pasir Gudang berkuat kuasa habes. Pelebaran dibuat.
- 5 Januari 2019:** - Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata

- Malaysia akan membawa isu penceroohan ruang udara Pasir Gudang, Johor oleh pesawat sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar dalam perbincangan dengan Singapura pada 8 Januari 2019.
- 8 Januari 2019:** - Pertemuan empat mata Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah bersama rakan sejawatnya, Dr Vivian Balakrishnan.



# BERITA HARIAN

Rabu, 9 Januari 2019 BH

## → MUKA DUA

ISU SISTEM Pendaratan Instrumen (ILS), Kawasan Larangan Kekal (RA)

# Pelaksanaan digantung sebulan

KL, Singapura komited jaga hubungan dua hala

**Mohd Fahmi Mohd Yusof**  
mohdfahmi@nstp.com.my  
Singapore



Malaysia dan Singapura semalam mencapai persetujuan bersama menghangatkan secara serentak pelaksanaan tataraca Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar, Singapura dan pengwujudan Kawasan Larangan Kekal (RA) di ruang udara Pasir Gudang.

Tempoh pengantungan tataraca ILS dan pengwujudan RA di ruang udara Pasir Gudang itu berkuat kuasa serta-merta selama sebulan sebagai permulaan.

Perkara itu diumumkan Menteri Luar Singapura, Dr Vivian Balakrishnan pada sidang media bersama rakan sejawatnya dari Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah, di Pejabat Kementerian Luar Singapura, di sini.

Balakrishnan berkata, Malaysia dan Singapura juga bersetuju Kementerian Pengangkutan kedua-dua negara mengadakan pertemuan segera untuk perbincangan mengenai RA dan tataraca ILS untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan penerbangan awam.

"Pertemuan saya dengan Saifuddin positif dan kedua-dua pihak mengulangi komitmen mengekalkan serta menjaga hubungan baik dua hala Malaysia dan

Singapura," katanya.

**Tubuh kumpulan petugas khas**  
Berhubung isu sempadan maritim, Saifuddin berkata, Malaysia dan Singapura bersetuju menubuhkan satu kumpulan petugas khas.

"Kumpulan petugas khas ini akan diketuai Setiausaha Tetap Kementerian Luar Singapura, Cher Wee Kiong dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob.

"Ia bertujuan melakukan kajian dan perbincangan mengenai perundangan serta hal operasi bagi menyediakan asas untuk rundingan pada masa akan datang.

"Mereka juga perlu membentangkan hasil kajian kepada Kementerian Luar Malaysia dan Singapura dalam tempoh dua bulan," katanya.

Keputusan semalam dilihat meredakan ketegangan antara kedua-dua negara, selain menjadi titik



**Kami juga bersetuju Menteri Pengangkutan kedua-dua negara perlu mengadakan pertemuan dalam tempoh terdekat untuk berbincang mengenai RA dan tataraca ILS Lapangan Terbang Seletar bagi memastikan keselamatan dan keberkesanan sektor penerbangan awam"**

**Vivian Balakrishnan,**  
Menteri Luar Singapura

permulaan rundingan dan perbincangan secara teratur antara Malaysia-Singapura.

Sebelum ini, satu notis dikeluarkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) Disember lalu memaklumkan pelaksanaan tataraca ILS akan dikuatkuasa di landasan 21 Lapangan Terbang Seletar pada jam 12 tengah malam 3 Januari lalu.

**Guna ruang udara Pasir Gudang**

Menerusi pelaksanaan tataraca ILS, pesawat yang mendarat di landasan berkenaan perlu melalui ruang udara Pasir Gudang, yang hanya terletak dua kilometer merentasi Selat Johor ke Lapangan Terbang Seletar.

Malaysia kemudian mahu Singapura menarik balik rancangan melaksanakan ILS atau mengubah laluan penerbangan ke Lapangan Terbang Seletar di republik itu.


Ia berikutan laluan penerbangan untuk sistem itu dikatakan akan memberi impak besar kepada pembangunan di Pasir Gudang susulan sekatan ketinggian struktur di kawasan berkenaan.

Malaysia juga mengisytiharkan penerbangan Kawasan Larangan Kekal di ruang udara Pasir Gudang berkuat kuasa 2 Januari lalu dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (DCA) mengeluarkan Notis Kepada Juruterbang (NOTAM) pada 25 Disember lalu.


Selain itu, Malaysia juga mendakwa Pelabuhan Johor di Pasir Gudang berada dalam keadaan bersisiko tinggi selain menghadapi pelbagai sekatan susulan pelaksanaan sistem pendaratan itu.

Laporan Eksklusif BH minggu lalu mendedahkan, beberapa pesawat ringan dan kapal terbang dilihat berlegar di ruang udara Malaysia sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar susulan pelaksanaan tataraca ILS.

(FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN /BH)



Saifuddin disambut Balakrishnan pada pertemuan di Pejabat Kementerian Luar Singapura, semalam.




# NEW STRAITS TIME

WEDNESDAY, JANUARY 9, 2019 • NewStraitsTimes

## Story of the day / NEWS 3

### HOW ILS WILL AFFECT MALAYSIAN AIRSPACE



### Working group to look into maritime borders

>>> From Page 2

This was decided following a recent dispute between the countries following Malaysia's plan to extend the limits of Johor Baru Port.

"The working group will be headed by the Singapore's Foreign Ministry permanent secretary Cher Wee Kiong and Malaysia's Foreign Ministry secretary-general Datuk Seri Muhammad Shahrol Ibran Yusoff, and the working group will conduct a study and discuss legal and operational aspects that could become the basis for future negotiations."

"They are required to present the findings of the study to the Foreign Ministries of Malaysia and Singapore within two months."

The agreement reached yesterday could ease tensions on both sides regarding the two issues and pave the way for proper negotiations and discussions.

Both countries have been in a row over the new ILS procedure at Seletar Airport.

Last Friday, it was reported that some light aircraft and planes were seen circling over Malaysian airspace before landing at Seletar Airport.

This occurred despite the Malaysian government reiterating its stand that it will not allow any aircraft landings at Seletar Airport to use Malaysian airspace in Pasir Gudang.

The countries have also gone back and forth over territorial waters following Malaysia's plan to extend the limits of Johor Baru Port.

Singapore's Transport Ministry had asked Malaysia to reverse its decision on port limits to reflect Singapore's sovereignty over the waters in question, and refrain from further unilateral action.

The republic had said Malaysian vessels had repeatedly encroached on Singapore's territorial waters off Tuas during a two-week period since late November.

Malaysia said Singapore's claims were inaccurate, saying the new port limits did not encroach on any part of the city state's waters.

"The altered port limits of Johor Baru Port are in Malaysia's territorial sea, and it is well within Malaysia's right to draw any port limit in our territorial sea," Transport Minister Anthony Loke had said.

### NOISE POLLUTION

## Pasir Gudang residents hope decision will be permanent

**JOHOR BARU:** Residents in Pasir Gudang have welcomed the decision to suspend the implementation of the Instrument Landing System (ILS) procedures at Seletar Airport in Singapore.

"They hope the decision would be permanent as it would mean aircraft landing at the airport would not fly low over Pasir Gudang."

Religious school teacher Kilawati Md Shah, 47, said low-fly-

ing aircraft were a nuisance for people in the area.

"It affects the children at school."

"I hope this will be a permanent decision so that we no longer have to live with the problem," said Kilawati, who teaches in a school at the coastal village of Kampung Pasir Putih.

Local resident Rosman Rosli, 46, welcomed the decision, saying it would ease residents' concern

about aircraft flying so low. "It will reduce noise pollution in the area. Residents will no longer have to deal with the noise from aircraft," said Rosman, who lives in Kampung Tanjung Langsat.

He also hoped the decision would be permanent.

"I hope the Malaysian government will be more concerned about the issue."

A civil servant in his 30s working in Pasir Gudang said he never

agreed to the move by Singaporean authorities to allow aircraft to fly so close to town.

"Us Pasir Gudang folk are used to aircraft noise. I am not sure if they are commercial aircraft or freight planes, but I have heard planes with very loud sounds and I have seen smaller planes flying close to buildings."

"It is sad because it seems like the planes are encroaching into our country's airspace."



# NEW STRAITS TIME

NewStraitsTimes • WEDNESDAY, JANUARY 9, 2019

2 | NEWS / Story of the day



An airplane flying low over Pasir Gudang, near the Johor Port, before landing at Singapore's Seletar Airport. PIC BY ZAIN AHMED

AGREEMENT

## SINGAPORE SUSPENDS AIRPORT ILS

### Flights bound for Seletar Airport cannot use Pasir Gudang airspace for one month

MOHD FAHMI MOHD YUSOF  
SINGAPORE  
mohdfahmi@nstp.com.my

**T**HE Foreign Ministries of Malaysia and Singapore have reached an agreement to suspend the permanent Restricted Area (RA) in the Pasir Gudang airspace and the Instrument Landing System (ILS) procedures for the Seletar Airport for one month.

Singapore Foreign Minister Dr Vivian Balakrishnan, at a joint press conference with his Malaysian counterpart, Datuk Saifuddin Abdullah, at the republic's Foreign Ministry here yesterday, said the suspension would take immediate effect.

This means flights bound for Seletar Airport will not be al-

lowed to use Pasir Gudang airspace for one month.

Singapore began implementing the ILS procedures for the airport on Jan 3.

The airport, mainly used for freight and private aircraft operations, is located just off the Johor Straits overlooking the Johor Port in Pasir Gudang.

The ministers agree that transport ministers from both countries should meet soon to discuss the RA and Seletar Airport ILS procedures to ensure the safety and efficiency of civil aviation.

Both ministers had earlier met for an almost two-hour meeting to resolve maritime and airspace boundary disputes involving the two countries.

The meeting started at 11.30am, immediately after Saifuddin arrived at the ministry, and ended at 1.15pm.

Balakrishnan said both sides agreed that the Transport Ministries of both countries should meet soon.

"My meeting with minister Saifuddin went in a positive manner, and both sides have reiterated its commitment to preserve and maintain the good bilateral re-



Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah and his Singaporean counterpart, Dr Vivian Balakrishnan, at the Singapore Foreign Ministry yesterday. PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN

lations between Malaysia and Singapore.

"It was agreed that both sides would immediately and simultaneously suspend Malaysia's permanent Restricted Area (RA) and Singapore's implementation of the Instrument Landing System

(ILS) procedures for Seletar Airport, for a period of one month in the first instance.

"We also agreed, at the same time, for the transport ministers of both countries to conduct a meeting in the short-term period to discuss about the RA and ILS

procedure for Seletar Airport to ensure the safety and efficiency of civil aviation."

Saifuddin said Malaysia and Singapore agreed to set up a working group to look into maritime borders.

>> Continued next page

